

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ SALIM SHARIF (JEMPOL)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perancangan jangka panjang bagi mengatasi kes penculikan kanak-kanak, remaja dan warga emas yang semakin membimbangkan serta keberkesanan aplikasi National Urgent Response Alert (NUR Alert) bagi mengekang gejala tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius kes penculikan yang berlaku sama ada melibatkan kanak-kanak atau orang dewasa kerana boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat. Justeru itu, PDRM mempunyai Cawangan dan Operasi yang khusus (Ops Scorpions) untuk mengendalikan sebarang kes penculikan yang berlaku dalam negara.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menasihatkan orang ramai agar menutup segala ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah dengan mengambil langkah pencegahan seperti tidak membiarkan anak-anak mereka untuk bergerak atau bermain bersendirian atau bercakap dengan orang yang tidak di kenali ketika berada di luar rumah. Sentiasa mengingatkan anak-anak tentang keselamatan diri dan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku keadaan kecemasan.

Selain itu, laporan kehilangan kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun akan turut disebarkan melalui medium *National Urgent Response Alert (NUR Alert)* bagi mendapatkan bantuan orang ramai di dalam usaha mengesan keberadaan kanak-kanak tersebut. Maklumat kehilangan kanak-kanak berkenaan akan dikongsikan kepada beberapa agensi yang lain seperti pihak bank, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia perkhidmatan telekomunikasi (*service provider*) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Medium *NUR Alert* ini adalah kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).